

17/09/1997

Projek MSC tidak ditangguh

Radzi Wahab; Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Selasa - Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak akan ditangguhkan walaupun negara dilanda masalah mata wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, MSC secara dasarnya adalah kawasan yang dibangunkan oleh pelabur asing dan kerajaan hanya terbabit pada peringkat awal dengan menyediakan prasarana asas.

"Pada peringkat selepas itu sama ada dengan kerajaan atau tidak, sektor swasta dan pelabur akan menempatkan prasarana sesuai.

"Mereka yang mahu menggunakan MSC sebagai tempat ujian pula, perlu membuat pelaburan yang difikirkan sesuai.

"Jadi ia sama sekali tidak berkait dengan masalah mata wang yang dihadapi sekarang yang mana sama ada mahu atau tidak, akan kita atasi.

"Oleh itu, tidak akan berlaku penangguhan projek dalam MSC walaupun ada mereka yang mahu kita menangguhkannya," katanya sambil menerima tepukan gemuruh 600 peserta Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 1997 (MMA 97), bermula hari ini.

Persidangan dan pameran tiga hari itu adalah acara tahunan menghimpunkan pakar teknologi maklumat (IT) dari dalam dan luar negara, termasuk pegawai kanan kerajaan.

Mereka akan membincangkan pelbagai topik membabitkan pelaksanaan dan strategi tujuh aplikasi MSC.

MSC yang dianggarkan menelan belanja RM20 bilion membabitkan kawasan 750 kilometer.

Sebagai langkah berjimat cermat, kerajaan mengumumkan pelan pengurusan ekonomi berhemah membabitkan pemotongan dua peratus perbelanjaan bagi setiap agensi dan kementerian.

Menurut Perdana Menteri, perbelanjaan kerajaan membabitkan IT tidak begitu besar dan kini kerajaan mengkaji pembentukan kemudahan kiosk untuk orang ramai.

"Mereka boleh menggunakan kiosk ini yang akan ditempatkan di lokasi strategik untuk kemudahan awam dan sebagai contoh tidak perlu lagi ke Jabatan Imigresen bagi menguruskan yang membabitkan dokumen perjalanan.

"Peruntukan bagi kemudahan IT untuk orang ramai seperti itu tidak akan dikurangkan.

"Pada masa yang sama, kerana perbelanjaan IT agak terbatas, kerajaan memberi perhatian kepada pelaburan di sektor awam.

"Agensi yang sudah diswastakan tidak mengharapkan bantuan kerajaan.

"Oleh itu, saya tidak bimbang terhadap peruntukan untuk kemudahan IT bagi jabatan ini," katanya.

Menjawab soalan wartawan asing yang ingin tahu sama ada Perdana Menteri menyimpan rasa permusuhan terhadap spekulator, Dr Mahathir menjelaskan:

"Saya tidak bermusuhan dengan mereka hanya semata-mata kerana saya mendakwa mereka bertanggungjawab terhadap krisis mata wang negara ini.

"Tetapi, saya akan bermusuhan dengan penyangak, walaupun jika mereka dari dalam negara ini," katanya.

(END)